

F Pilih simpulan bahasa yang betul.

1



Nordin naik angin apabila Kamal menuduhnya memecahkan tingkap kelas.

- | | |
|----------------|-----------------|
| A tangkap mata | C serkap jarang |
| B tangkap buta | D rambang mata |

2



Pergaduhan yang berlaku antara dua keluarga itu akibat _____ pihak ketiga.

- | | |
|----------------|-----------------|
| A buah fikiran | C gulung tikar |
| B ambil berat | D campur tangan |

3



Lelaki itu menjadi _____ keluarganya sejak ayahnya disahkan mengidap kanser.

- | | |
|-----------------|-------------------|
| A anak buah | C salah sangka |
| B serkap jarang | D tulang belakang |


4



Mei Lin menyediakan _____ untuk tetamu yang hadir majlis hari lahirnya.

- | | |
|--------------|------------------|
| A sejuk hati | C tutup mulut |
| B ambil hati | D pembasuh mulut |

5



Puan Gina _____ ingin melangsungkan perkahwinan anaknya pada hujung bulan ini.

- | | |
|-------------|---------------|
| A ada hajat | C sampai hati |
| B ada bakat | D buka mata |

6



Hashim seorang yang _____ kerana membantu orang-orang yang dalam kesusahan.

- | | |
|-----------------|----------------|
| A ringan mulut | C lepas tangan |
| B ringan tulang | D lapang dada |

7



"Saya berasa _____ untuk keluar pada hari ini," kata Linda apabila diajak oleh kawannya bermain di taman.

- A putih hati C mati akal
B berat hati D ada hati

8



Mak Cik Siti berasa sedih akan sikap anak-anaknya yang tidak _____ akan dirinya lagi.

- A berat hati C buruk sangka
B ambil berat D sampai hati

9



Dato' Hisham berasa sedih kerana perniagaan yang diusahakan selama ini terpaksa _____ kesan daripada kegawatan ekonomi.

- A gulung tikar C mata pencarian
B salah langkah D memerah keringat

10



Aishah seorang yang ber_____ apabila bercakap dengan orang tua.

- A terang hati C ringan tulang
B mulut manis D mata pencarian

11



Kamala menjadi _____ apabila terpaksa menggantikan Laila dalam pertandingan bercerita itu.

- A bidan terjun C berat hati
B buruk sangka D ikut jejak

12



Datuk Hamid seorang yang _____ apabila mengherdik seorang pengemis yang meminta derma.

- A mati akal C kering darah
B ketam batu D makan garam